

PENERIMAAN PENGGERAK MASYARAKAT ORANG ASLI (PMOA) TERHADAP KONSTRUK KOMPETENSI PENDAKWAH ORANG ASLI

Ayuni Nazuha Mohd Rosli &

Abdul Ghafar Don

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mel: a.g.don@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli mempunyai cara dan isi kandungan yang khusus kerana mereka memiliki perbezaan gaya hidup, adat, kepercayaan dan pantang larang yang menjadi sebahagian daripada tradisi kehidupan mereka. Pendakwah perlu mempunyai keselarasan dalam penyampaian ajaran Islam supaya dapat memberi keberhasilan dalam berdakwah terutama terhadap masyarakat Orang Asli. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kandungan dan menganalisis penerimaan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap konstruk kompetensi pendakwah Orang Asli. Data kajian ini diperolehi dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui kajian tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 30 orang PMOA yang berkhidmat selama 5 tahun ke atas. Sampel yang diambil dari dua buah negeri iaitu PMOA daripada Negeri Sembilan dan Selangor. Konstruk yang dibina berdasarkan tinjauan awal iaitu melalui tinjauan terhadap literatur yang mempunyai kesesuaian dengan keperluan penggerak Orang Asli dalam menyampaikan dakwah. Konstruk tersebut adalah persediaan diri, penguasaan ilmu, pendekatan, kemahiran dan sikap. Hasil kajian mendapati bahawa konstruk penguasaan ilmu dan sikap pendakwah sangat penting dalam pelaksanaan dakwah masyarakat Orang Asli untuk memberi keberkesanan dalam berdakwah. Implikasi kajian ini dapat memastikan konstruk kompetensi yang dibina dapat memberi manfaat kepada pendakwah.

PENDAHULUAN

Tujuan utama dalam berdakwah adalah untuk menyebarkan agama Islam kepada seluruh umat manusia supaya dapat memberi kesejahteraan hidup bagi mereka yang menghayati Islam sepenuhnya. Masyarakat Orang Asli juga tidak ketinggalan untuk merasai penghayatan Islam walaupun mereka golongan minoriti di Malaysia (Noraini Junoh et al, 2022). Kegiatan dakwah sudah banyak dilaksanakan oleh pihak agensi badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat Orang Asli. Namun kehidupan mereka yang mempunyai adat dan kepercayaan yang tersendiri menyebabkan sedikit sukar untuk mendekati dan menyampaikan Islam dengan baik. Oleh kerana itu, usaha pihak kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menubuhkan pendakwah yang khusus kepada masyarakat

Orang Asli iaitu Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) untuk memberi pengajaran dan kefahaman tentang Islam kepada masyarakat Orang Asli.

Menurut kajian Mohd Zahirul (2018) keberhasilan sesuatu dakwah adalah bergantung kepada isi kandungan dakwah dan cara pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan sasaran. Menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana pegangan mereka terhadap adat, kepercayaan dan pantang larang menjadi tradisi kehidupan mereka (Ahmad Redzuan, 2008). Sehubungan dengan itu, melaksanakan dakwah kepada Orang Asli perlu mempunyai isi kandungan yang khusus dan bersesuaian dengan tahap pemikiran mereka supaya mudah untuk mereka menerima ajaran Islam dengan baik. Oleh itu, usaha pendakwah untuk memperbaiki gerak kerja dakwah adalah dengan menyelaraskan setiap silibus dan kandungan yang dibawa untuk disampaikan kepada masyarakat Orang Asli.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pelbagai agensi badan dakwah sama ada badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) berperanan dalam melaksanakan dakwah kepada masyarakat Orang Asli, namun dengan kehadiran ramai pihak agensi yang terlibat menyebabkan berlaku ketidakselarasan dalam penyampaian agama Islam kepada mereka. Maka berlaku kekeliruan dalam kefahaman mereka terhadap ilmu agama Islam yang dibawa oleh pendakwah kerana mempunyai corak dan isi kandungan yang berbeza tanpa mengikut garis panduan yang khusus (Zulkefli, 2020). Tambahan pula, pendakwah juga berasa selesa dengan membawa kefahaman Islam dengan cara sendiri. Dengan cara ini berlaku ketidakselarasan dan keseragaman kaedah dan bentuk pendekatan dakwah. Menurut kajian Zulkefli (2020) menyatakan bahawa ketidakselarasan menyebabkan masyarakat Orang Asli menjauhkan diri daripada pendakwah kerana keliru dengan fahaman yang dibawa. Sehubungan dengan itu, berdakwah kepada masyarakat Orang Asli memberi sedikit kesukaran kepada pendakwah kerana bentuk dan gaya hidup serta tahap pemikiran mereka berbeza berbanding kaum-kaum lain yang mempunyai pemikiran yang tinggi. Keadaan ini menjadi satu cabaran kepada pendakwah untuk menentukan kaedah dan pendekatan apa yang sesuai dengan gaya hidup mereka.

Dalam menentukan pendekatan dakwah memerlukan kepada pengetahuan tentang latar belakang sasaran. Sikap pendakwah yang mengambil mudah tentang penguasaan pendekatan dan ilmu keadaan sekeliling memberi cabaran serta kebuntuan dalam melaksanakan dakwah. Mengetahui latar belakang sasaran merupakan asas dan elemen yang penting dalam setiap gerak kerja dakwah (Zaydan, 1993). Dalam kajian Syed Abdurahman (2010) menyatakan bahawa kekurangan pendakwah yang mampu dan berkebolehan dalam menguasai ilmu, memiliki ketahanan fizikal, ketahanan rohani, ketahanan mental di samping mempunyai pengetahuan bagaimana mempelbagaikan metod untuk dijadikan pendekatan kepada sasaran. Menurut kajian Nurul Izzah & Razaleigh (2020) pula pendakwah yang berkredibilit mampu meraih kepercayaan di dalam kalangan sasaran terutama terhadap masyarakat Orang Asli yang

baru mengenal Islam. Namun begitu, wujud permasalahan apabila sikap yang ditonjolkan oleh pendakwah itu sendiri memberi kepincangan dalam usaha dakwah dan memberi persepsi negatif dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Oleh hal ini kerana pendakwah tiada ketetapan garis panduan yang selaras dalam pelaksanaan masyarakat Orang Asli.

Berdasarkan jumlah penduduk masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam masih rendah iaitu 40,172 orang (21.5%) daripada keseluruhan penduduk Orang Asli yang berjumlah 182,775 (Sumber JAKOA, JAIN & MAIN, 2015). Maka dalam permasalahan tersebut, kompetensi dakwah melalui isi kandungan dan kaedah penyampaian yang selaras adalah perlu diusahakan bagi meningkatkan jumlah konversi masyarakat Orang Asli kepada Islam. Merujuk kepada permasalahan yang berlaku, satu konstruk garis panduan dibina khusus untuk pendakwah masyarakat asli bagi memastikan keseragaman dan keselarasan dalam pengurusan dakwah.

LITERATUR KAJIAN

Kajian-kajian yang berkaitan dakwah masyarakat Orang Asli telah banyak dibincangkan dalam pelbagai aspek dan dimensi. Misalnya dalam kajian Che Nur Hasanah Mariam & Muhammad Yusuf (2018) mendapati bahawa usaha dakwah oleh individu dan pelbagai institusi masih belum dapat meraih perhatian dan membuka hati sebahagian masyarakat Orang Asli untuk menerima Islam. Manakala dalam kajian Zulkefli Aini, Nur Damia & Abdul Ghafar (2018) pula membincangkan tentang bentuk-bentuk komunikasi dakwah terhadap Orang Asli dengan menyentuh tentang kepentingan aspek komunikasi dalam proses penyampaian dakwah. Kajian tersebut melibatkan peringkat permulaan, perancangan dan persediaan bagi memulakan topik perbualan dalam konteks kandungan interaksi ketika berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, kajian tersebut mendapati ketiga-tiga peringkat itu mempengaruhi keberkesanan dakwah yang disampaikan dan memberi kesan positif dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Berdasarkan asas ini, dakwah terhadap masyarakat Orang Asli memerlukan satu garis panduan yang jelas dan standard bagi memastikan keberkesanan dalam proses penyampaian mesej dakwah. Perkara ini selaras dengan dasar dan prinsip dakwah yang dianjurkan al-Quran agar dakwah disampaikan dengan jelas (Al-Quran, Surah Yusuf. 12:108) dan berhikmah lagi teratur (Al-Quran, Surah al-Nahl, 16:125).

Sehubungan dengan dasar Al-Quran tersebut, Mohamad Zulkifli (2020) dan Zulkefli Aini (2020) menekankan keperluan dakwah terhadap Orang Asli dilaksanakan secara terancang dan berterusan serta mengambil inisiatif yang tuntas ke arah memperkasakan gerakan dakwah Orang Asli di Malaysia. Tanpa perancangan yang tersusun serta tiada hala tuju dan garis panduan khususnya dalam membimbing masyarakat Orang Asli yang sudah Islam akan mengakibatkan kefahaman agama mereka tidak sempurna seterusnya membina persepsi yang tidak baik dalam kalangan Orang Asli non-muslim terhadap dakwah (Asmadi & Ramlan, 2020).

Bagi menyelaraskan perancangan dalam pembinaan garis panduan beberapa pendekatan perlu dikenalpasti untuk berdakwah terhadap masyarakat asli, maka Mohd Zairul (2019) menekankan tentang pelaksanaan dakwah menggunakan pendekatan bi al-Hal yang digunakan oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli. Namun begitu, hasil kajian mendapati penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap dakwah bi al-Hal masih pada tahap sederhana. Implikasi kajian ini ialah pihak penggerak dapat mengenalpasti kesesuaian kaedah pendekatan dakwah yang dapat digunakan bagi melaksanakan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, pihak pendakwah juga dapat merangka strategi bagi membina garis panduan yang lebih efektif.

Manakala dalam kajian Ismail Naim (2020) menekankan tentang persiapan PMOA dalam aspek pengetahuan dan kemahiran sebagai persiapan untuk berdakwah kepada sasaran. Persiapan pendakwah sangat memberi kesan dalam sesebuah pelaksanaan dakwah. Hasil kajian mendapati bahawa PMOA perlu menguasai aspek pengetahuan sebagaimana dinyatakan oleh Yusuf al-Qaradawu dalam *Thaqafah al-Da'iyah* antaranya ialah pengetahuan tentang ilmu agama, pengetahuan tentang manusia (psikologi dan sosiologi), pengetahuan tentang Bahasa dan pengetahuan tentang realiti dakwah (*waqi'*). Dalam aspek kemahiran pula dicadangkan dalam kajian supaya PMOA memiliki kemahiran yang sesuai untuk berdakwah terhadap masyarakat Orang Asli seperti kemahiran bertukang, kemahiran berkomunikasi, kemahiran menternak, Bertani dan perubatan Islam. Oleh kerana itu persediaan sebagai pendakwah perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang luas serta boleh dijadikan sebagai konstruk garis panduan pendakwah masyarakat Orang Asli.

Dalam kajian Abdurrahman Abdullah (2019) menekankan tentang komitmen dakwah oleh PMOA sebagai sebahagian daripada persiapan atau persediaan untuk melaksanakan dakwah. Persediaan sebagai PMOA atau pendakwah sangat diperlukan supaya dapat menangani masalah dan cabaran yang mendatang. Persediaan yang diperlukan adalah seperti persediaan fizikal, spiritual, emosi dan mental kerana melaksanakan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli mempunyai cabaran yang tersendiri. Kajian Abdurrahman mendapati komitmen sebagai PMOA mempunyai pengaruh dan implikasi yang signifikan terhadap keberkesanan dakwah Orang Asli.

Berdasarkan asas tersebut, adalah penting pendakwah masyarakat Orang Asli, terutamanya Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) JAKIM mempunyai satu garis panduan standard bagi memastikan tugas dakwah dapat dilaksanakan secara berkesan dan mempunyai hala tuju yang jelas. Realiti yang berlaku para pendakwah masyarakat Orang Asli berdakwah mengikut gaya dan cara masing-masing sepertimana yang dijelaskan al-Jami (2017). Situasi ini akan membawa kekeliruan dalam kalangan sasaran dakwah. Maka dakwah kepada Orang Asli perlu dilaksanakan secara terorganisasi dan mempunyai kesinambungan supaya Masyarakat Orang Asli dapat menerima Islam dengan baik seterusnya mengamalkan secara sempurna dalam kehidupan mereka (Ahmad Redzuwan, 2006).

Dengan itu, kajian-kajian tersebut mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji bahawa mereka hanya membincangkan tentang usaha dakwah, cabaran dan pendekatan yang digunakan. Maka, implikasi kajian membawa kepada keharusan pendakwah dalam memperkasakan jati diri dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap pendakwah dalam berdakwah. Oleh itu, satu garis panduan PMOA perlu dibina bagi mendapat kelarasan dan keberkesanan dalam penyampaian dakwah Islam.

KONSTRUK KOMPETENSI PENGGERAK MASYARAKAT ORANG ASLI

Menurut D.S Rychen (2001) kompetensi bermaksud keupayaan dan kemahiran yang dimiliki oleh individu dalam melakukan pekerjaan atau tugas. Setiap pekerjaan memerlukan kemahiran yang tersendiri supaya dapat memberi keberkesanan dalam sesuatu tugas. Dari sudut gerak kerja dakwah, kompetensi sangat penting kerana dapat membantu sasaran atau *mad'u* untuk memahami Islam dengan lebih baik. Hal ini kerana, kaedah atau cara penyampaian isi kandungan sangat memainkan peranan penting dalam keberhasilan dakwah terutama kepada golongan yang baru mengenal Islam seperti masyarakat Orang Asli. Sehubungan dengan itu, keupayaan dan kemahiran pendakwah dapat membina kesejahteraan umat dengan cara yang lebih berkesan. Bagi merealisasikan keberkesanan dalam dakwah memerlukan keselarasan dalam garis panduan yang khusus supaya lebih tersusun dan mengikut piawaian yang hendak dicapai. Oleh itu, terdapat lima konstruk yang dibina hasil daripada tinjauan literatur kajian yang lepas iaitu konstruk persediaan diri, konstruk penguasaan ilmu, konstruk pendekatan, konstruk kemahiran dan konstruk sikap.

Konstruk Persediaan Diri

Persediaan diri menjadi tunjang utama dalam melaksanakan dakwah terutama terhadap golongan yang memiliki cabaran yang tertentu seperti berdakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Cabaran yang dimiliki dalam berdakwah terhadap masyarakat Orang Asli tidak sama dengan masyarakat umum yang lain. Secara dasarnya, kehidupan masyarakat Orang Asli memerlukan pengaruh luar untuk meneruskan kelangsungan hidup dari semasa ke semasa. Kehidupan mereka mempunyai adat dan kepercayaan yang tersendiri yang membawa mereka kepada corak kehidupan yang berbeza berbanding kehidupan masyarakat yang berada di bandar. Kefahaman mereka tentang Islam juga tidak meluas dan sentiasa mempunyai persaingan dengan pengaruh ajaran lain seperti Gerakan misionari Kristian dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Oleh hal ini, pendakwah perlu mempunyai persediaan diri yang secukupnya seperti dalam aspek persediaan kekuatan rohani, kekuatan mental dan kekuatan fizikal. Keupayaan pendakwah dalam memiliki kekuatan tersebut mendorong untuk meluaskan agama Islam dengan lebih luas dan memberi kefahaman yang baik kepada mereka.

Dari sudut memiliki kekuatan rohani bermaksud mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah SWT melalui ibadat yang boleh melahirkan keyakinan dan pergantungan penuh kepada Allah SWT (Syed Abdurrahman, 2010). Menurut Kamarul Azmi (2016) pula

menyatakan bahawa pembangunan rohani dikategorikan dalam aspek pembangunan insan dan pembangunan rohani yang boleh dilaksanakan dengan cara Rasulullah SAW dalam membina jati diri ketika berdakwah. Kekuatan seseorang pendakwah terletak pada rohani diri dan memerlukan konsistensi dalam memperjuangkan dakwah islam ini, terutama dakwah terhadap golongan yang baru ingin mengenali Islam seperti masyarakat Orang Asli. Manakala dalam aspek persediaan mental pula berkait dengan minda dan akal yang sihat serta pemikiran yang mempunyai matlamat atau objektif yang jelas yang didasari dengan syariat Islam. Persediaan mental juga menjadi salah satu aspek yang diperlukan dalam menguruskan organisasi dan gerak kerja dakwah dengan baik. Pengaturan yang bijak dan berstrategi boleh dikembangkan oleh pemikiran yang kreatif serta minda yang sihat dalam usaha berdakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Menurut Syed Abdurrahman (2010) menyatakan bahawa dalam usaha dakwah akan berhadapan dengan pelbagai bentuk sasaran sama ada dari segi adat, tradisi, budaya, tahap pemikiran, pendidikan dan sebagainya. Bukan itu sahaja malah terdapat juga halangan dan rintangan daripada sekecil-kecil perkara sehingga kepada tahap pembunuhan. Oleh hal ini, pendakwah sangat dituntut membuat persediaan diri terutama dalam aspek persediaan mental ini.

Setiap persediaan dakwah tidak sempurna jika tidak disusuri dengan aspek persediaan fizikal. Aspek ini menjadi tunjang kepada seseorang untuk bergerak secara aktif dan sentiasa memiliki kekuatan untuk melaksanakan dakwah. Persediaan fizikal pula bermaksud dengan memiliki jasmani yang sihat. Dengan memiliki jasad dan tubuh badan yang sihat akan mendorong seseorang pendakwah bersungguh untuk melaksanakan dakwah demi Islam untuk mendapat keredhaan Allah SWT. Menurut Zairul (2018) perihal dakwah dengan fizikal merangkumi dalam usaha dakwah bi al-hal dan al-lisan. Kesediaan pada fizikal juga boleh dibangunkan dengan aktiviti riadah dan tingkah laku pendakwah yang boleh dijadikan contoh tauladan kepada mad'u dalam setiap pergerakan sama ada pada perbuatan dan percakapan. Memiliki kekuatan dari segi kerohanian, mental dan fizikal memerlukan kepada keilmuan seseorang pendakwah kerana setiap kekuatan adalah berpunca daripada tahap keilmuan dan pengalaman seseorang dalam menghadapi cabaran ketika melaksanakan dakwah terutama dalam dakwah masyarakat orang asli. Justeru itu, persediaan diri pendakwah perlu dilengkapi dengan tiga aspek kekuatan iaitu aspek rohani, mental dan fizikal yang didasari dengan ilmu pengetahuan yang sempurna.

Konstruk Penguasaan Ilmu

Menurut kajian faiz & Zulkefli Aini (2017) ilmu berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud pengetahuan dan kepandaian dalam pelbagai bidang yang meliputi perkara dunia, akhirat, batin, zahir dan sebagainya. Sebaliknya orang yang tidak berilmu merupakan orang yang jahil. Menurut al-Ghazali (1939) perkataan ilmu telah digunapakai sejak pada zaman generasi Islam pertama. Pengetahuan tersebut meliputi tentang Allah SWT dan segala tanda-tanda dan sifat-sifat kebesaran Allah SWT dalam kehidupan semesta ini. Perkataan awalan 'al' dan kemudian menjadi al-'ilm yang bermaksud pengetahuan tentang Allah SWT. Namun perkataan ilmu

dikhususkan tentang maknanya sehingga dikatakan orang berilmu itu adalah mereka yang suka berdebat dengan lawan tentang masalah fiqh dan sebagainya (Faiz & Zulekli Aini, 2017). Menurut al-Qaradawi (1986) pendakwah yang berkompentensi memerlukan kepada penguasaan ilmu yang tinggi untuk menyampaikan isi kandungan dakwah dengan baik. Oleh itu, pendakwah masyarakat Orang Asli perlu memiliki penguasaan ilmu yang berteraskan Islam iaitu penguasaan bacaan al-Quran dan ilmu al-Quran, ilmu al-Sunnah, ilmu Akidah dan ilmu Fikah. Ilmu-ilmu tersebut adalah perkara asas dan utama yang perlu disediakan kepada sasaran yang baru ingin mengenali Islam tambahan pula mereka mempunyai pegangan dan adat yang tersendiri menyebabkan sedikit sukar untuk menyelusuri ilmu agama Islam ke dalam kehidupan mereka. Selain memiliki ilmu pengetahuan tentang asas Islam, pendakwah juga perlu memiliki pengetahuan tentang latar belakang dan isu semasa keadaan sasaran yang berlaku kerana ini menjadi salah satu pendekatan dan tarikan kepada masyarakat Orang Asli untuk dekat dengan Islam. Dengan mengetahui keadaan mereka mudah untuk pendakwah mengetahui manhaj apa yang sesuai digunakan untuk menyebarkan ilmu agama Islam supaya dapat diterima dengan baik. Berdakwah terhadap masyarakat Orang Asli sudah pasti mempunyai cabaran dan halangan yang agak kuat, namun dengan kemahiran dan ilmu yang dimiliki oleh pendakwah mampu mengatasi cabaran tersebut dengan efektif serta mampu memberi kesan positif dalam berdakwah.

Konstruk Pendekatan

Pendekatan menjadi satu elemen yang penting dalam melaksanakan dakwah. Melalui pendekatan dakwah memerlukan kepada penggunaan metod yang sesuai dengan sasaran bagi membolehkan sasaran menerima sesuatu dakwah dengan kefahaman yang jelas tanpa rasa paksaan, tekanan dan tertipu (Ab. Aziz Md Zain, 2015). Asas pendekatan yang ditekankan dalam Islam melalui ajaran Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW iaitu pendekatan *al-hikmah* (bijaksana), *al-maw'izah al-Hasanah* (nasihat yang baik) dan *al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan* (berbahas dengan cara yang baik) yang dicatatkan dalam al-Quran dalam surah al-Nahl ayat 125. Syed Qutub (1909-1966M) menjelaskan bahawa tentang ayat tersebut merupakan asas pendekatan dalam berdakwah terhadap seluruh umat manusia dengan mengikuti cara-cara dan teknik-teknik yang digunakan oleh Rasulullah SAW. Dalam konteks dakwah masyarakat Orang Asli pula mempunyai metod yang berbeza untuk mengajarkan ilmu agama Islam kepada mereka kerana tahap pendidikan dan pemikiran yang rendah perlu diselaraskan dengan keadaan mereka serta memerlukan pendekatan yang penuh berhikmah kepada mereka. Hikmah bermaksud bijaksana iaitu menyampaikan ilmu dengan penuh berstrategi dan kreatif agar mendapat tarikan yang baik daripada pihak sasaran selaras dengan kajian Hazri & Nordin (2010).

Dalam aspek pendekatan menurut kajian Nur Damia & Zulkefli (2017) menggunakan kaedah pendekatan bahasa yang mudah iaitu tidak menggunakan istilah-istilah yang sukar difahami, tidak menggunakan dialek loghat negeri kelahirannya dan menjelaskan sesuatu mesej dakwah dalam bentuk gambaran atau lukisan. Manakala menurut kajian Noraini &

Mariam (2016) menggunakan kaedah pendekatan secara beransur-ansur mampu menarik sasaran dengan baik. Kaedah ini juga digunakan oleh Allah SWT dengan menurunkan wahyu kepada hambaNya supaya mudah untuk menerima sesuatu perintah dan hukum dengan hati yang lapang serta dengan berhikmah. Kaedah ini sesuai digunakan kerana tabiat manusia yang kompleks untuk menjalani realiti kehidupan dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman. Selain itu, menurut Zaydan (2000) mengambil kira perihal latar belakang sasaran menjadi salah satu keberkesanan dalam mendekati sasaran terutama terhadap masyarakat Orang Asli.

Konstruk Kemahiran

Secara asasnya, kemahiran merujuk kepada kecekapan dan keupayaan seseorang mengendalikan situasi atau sesuatu pekerjaan. Kemahiran juga dimanifestasikan dalam tindakan (Muhammad Faisal & Nabil Ahmad, 2020). Menurut Kamarul Azmi (2010) kemahiran merupakan kemampuan yang berkaliber tinggi yang tidak datang wujud pada diri seseorang melainkan melalui pengalaman dan cabaran yang dihadapi secara berterusan. Kemahiran membantu seseorang untuk menangani dan menyelesaikan sesuatu ujian dengan fakta yang sedia ada. Memperluaskan pengalaman dapat melatih diri untuk terlibat dalam pengurusan organisasi. Terlibat dengan kegiatan pengurusan organisasi adalah seperti mengendalikan persidangan dan aktiviti yang berkaitan dengan dakwah serta seminar merupakan satu inisiatif individu yang paling positif (Ibtisam & Berhanudin Abdullah, 2019). Melalui penglibatan tersebut, pendakwah dapat memperolehi pelbagai pendedahan ilmu dan pengalaman melalui orang ramai yang sudah lama menceburi dalam menyelesaikan isu dari segi sosial, politik, ekonomi, budaya dan agama. Dalam dakwah juga memerlukan kepada kemahiran komunikasi.

Komunikasi merupakan satu proses interaksi untuk berhubung dari satu pihak dengan pihak yang lain (Amir Aris & Ahmad Rozelan, 2016). Komunikasi mempunyai dua bentuk interaksi iaitu komunikasi lisan dan bukan lisan. Kemahiran komunikasi dakwah menjadi elemen yang penting dalam menyampaikan isi kandungan dakwah kepada sasaran. Penggunaan komunikasi juga perlu mengikut kesesuaian tahap pemikiran dan keadaan persekitaran sasaran. Menurut Faiz (2016) menyatakan bahawa aspek yang perlu ditekankan dalam berdakwah ialah dengan menguasai kemahiran komunikasi. Selaras menurut Nur Damia (2016) juga dengan menyatakan bahawa pendakwah perlu menguasai kemahiran komunikasi dari segi aspek bahasa. Menguasai bahasa pertuturan kumpulan sasar, bahasa yang mengandungi unsur psikologi dan pemujukan merupakan satu strategi komunikasi yang berkesan untuk menarik tumpuan sasaran. Manakala Uswah (2018) menenkankan tentang aspek pemujukan dalam berkomunikasi dan ia menjadi satu kemahiran psikologi yang boleh digunakan ketika berdakwah untuk memujuk sasaran dengan kata-kata yang lembut dan menunjukkan sebab disebalik sesuatu kejadian. Melalui pemerhatian kajian-kajian lepas dapat disimpulkan bahawa pendakwah perlu menguasai tiga kemahiran dalam berdakwah iaitu kemahiran pengurusan, kemahiran komunikasi dan kemahiran psikologi.

Konstruk Sikap

Sikap merupakan aspek yang lahir dari dalaman dan personaliti individu dengan membawa kelakuan atau tingkah laku. Definisi sikap adalah sebagai satu bentuk kecenderungan manusia bertinda secara konsisten terhadap sesuatu perkara sama ada terhadap objek mahupun situasi (Muhamad Faisal & Nabil Ahmad, 2020). Sikap boleh mempengaruhi keberkesanan dalam berdakwah. Menurut kajian Nurul Izzah & Razaleigh (2020) menyatakan bahawa salah satu punca kegagalan dalam berdakwah kerana pendakwah tidak menjaga sikap atau sahsiah diri kepada masyarakat Orang Asli. Hal ini menyebabkan imej yang negatif sudah wujud dalam diri masyarakat Orang Asli dan sukar untuk menerima dakwah dengan baik. Pendakwah seharusnya menjaga imej sebagai pembimbing yang boleh dipercayai dan mencontohi sikap-sikap mahmudah yang dibawa oleh para anbia dan sahabat Rasulullah SAW dalam menyebarkan dakwah. Sikap yang baik perlu dipupuk bagi mewujudkan suasana yang positif dan harmoni dalam kalangan masyarakat setempat.

Menurut kajian Faisal & Nabil (2020) menggalakkan pendakwah turut serta dalam kegiatan aktiviti-aktiviti dakwah supaya boleh melatih pendakwah untuk berinteraksi dengan masyarakat sekaligus dapat membentuk sikap yang baik terhadap sasaran. Dengan menyertai program dakwah juga pendakwah dapat melihat keadaan sebenar masyarakat dan lebih mengenali dengan lebih dekat serta dapat mengubah persepsi yang baik dalam berdakwah kepada masyarakat Orang Asli. Dalam aspek sikap ini perlu dilatih secara berterusan dan memberi kesan kepada pendakwah untuk memantapkan diri dalam berdakwah. Oleh yang demikian, membentuk peribadi pendakwah menjadi salah satu kepentingan dalam medan dakwah kerana sikap atau personaliti merupakan imej utama bagi seseorang individu. Justeru itu, pendakwah yang mempunyai kualiti dan kredibiliti tinggi perlu sentiasa menjaga sikap dan berakhlak baik demi menjaga kesejahteraan Islam.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui pendekatan model pengukuran Rasch ini, pengkaji membuat pemeriksaan kefungsan item dari aspek kebolehpercayaan dan penerimaan item dalam kalangan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang melibatkan dua buah negeri iaitu PMOA Negeri Sembilan dan Selangor seramai 30 sampel yang diambil.

Kebolehpercayaan dan Penerimaan Item Konstruk

Berdasarkan pendekatan model pengukuran Rasch, nilai Alpha Cronbach's (α) yang boleh diterima kebolehpercayaannya ialah di antara 0.71 – 0.99 kerana nilai ini berada pada tahap yang terbaik (71% - 99%). Nilai Alpha tersebut dijelaskan seperti dalam jadual 1.1 (Bond & Fox, 2015).

Jadual 1.1: Interpretasi Skor Alpha Cronbach

Skor <i>Alpha-Cronbach</i>	Kebolehpercayaan
0.9 – 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 – 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 – 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Sumber: Bond Fox, 205

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan model pengukuran Rasch untuk menentukan kebolehpercayaan dalam instrumen dan penerimaan item oleh pihak PMOA. Dapatan analisis kajian rintis mendapati nilai kebolehpercayaan yang diperoleh berdasarkan kepada nilai Alpha Cronbach (α) iaitu 0.96 seperti di dalam jadual 1.2 yang menunjukkan nilai tersebut memberi maksud bahawa instrumen yang digunakan dalam keadaan yang sangat baik dan dan efektif serta boleh digunakan dalam penyelidikan yang sebenar.

Jadual 1.2: Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Kajian Rintis

Person RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = 0.98
CRONBACH ALPHA (KR-20) person RAW SCORE RELIABILITY=0.96

Analisis terhadap instrumen dilaksanakan secara keseluruhan iaitu dengan melihat kebolehpercayaan dan penerimaan responden terhadap konstruk yang dibina. Hasil dapatan kajian rintis berdasarkan pada jadual 1.3 yang menunjukkan nilai kebolehpercayaan responden terhadap penerimaan item.

Jadual 1.3: Hasil Dapatan Kajian Rintis

Bil	Konstruk	Nilai alpha (α)	Tahap kebolehpercayaan
1	B= Persediaan Diri	0.94	Sangat baik
2	C= Penguasaan Ilmu	0.97	Sangat baik
3	D= Pendekatan	0.92	Sangat baik
4	E= Kemahiran	0.95	Sangat baik
5	F= Sikap	0.97	Sangat baik
6	Keseluruhan	0.98	Sangat baik

Sumber: Kajian rintis 2022

Hasil kajian dapatan kajian rintis dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0* berdasarkan ukuran nilai Alpha Cronbach (α). Kajian membina beberapa konstruk penerimaan PMOA terhadap konstruk garis panduan pendakwah masyarakat Orang Asli iaitu konstruk bahagian B tentang konstruk Persediaan Diri, bahagian C konstruk Penguasaan Pengetahuan, bahagian D konstruk Pendekatan, bahagian E konstruk Kemahiran dan bahagian F ialah konstruk Sikap.

Hasil kajian penerimaan PMOA terhadap konstruk yang tertinggi menunjukkan pada item penguasaan Ilmu yang bernilai 0.97 yang menunjukkan item tersebut sangat baik dan memberi efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa konstruk bagi penguasaan ilmu merupakan satu kepentingan yang utama dalam melaksanakan dakwah bertepatan dengan kajian Ismail Naim & Abdul Ghafar (2019) yang menyatakan bahawa penguasaan ilmu sangat diperlukan oleh seseorang pendakwah untuk mengekalkan keupayaan dalam menjalankan dakwah terutama terhadap masyarakat Orang Asli. Menurut Yusuf Al-Qaradawi (1986) pula menyatakan bahawa untuk menjadi pendakwah yang cemerlang perlu mempunyai penguasaan ilmu yang luas terutama dalam menguasai ilmu al-Quran, ilmu akidah dan ilmu fikah. Ilmu-ilmu tersebut merupakan perkara asas dalam kehidupan yang perlu dikuasai oleh setiap pendakwah. Perkara ini ditekankan oleh Yusuf al-Qaradawi (1986) dalam pengetahuan berteraskan Islam (*Thaqafat Islamiyyah*).

Manakala, nilai penerimaan PMOA yang kedua tertinggi adalah pada konstruk sikap yang bernilai 0.97 iaitu menunjukkan bahawa item tersebut pada tahap yang sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi. Menurut kajian Abdul Ghafar Don et, al (2019) menyatakan bahawa sikap seseorang pendakwah memberi pengaruh yang besar kepada pendekatan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Selaras juga dengan kajian Nurul Izzah & Razaleigh (2020) yang menyatakan bahawa personaliti atau sikap yang baik mampu memberi keberkesanan dalam penyampaian dakwah Islamiyyah terutama kepada non-muslim yang tidak tahu mengenai tentang Islam. Sekiranya seseorang pendakwah mampu menunjukkan sikap yang baik terhadap masyarakat nescaya mereka akan mudah tertarik dengan ajaran yang dibawa. Oleh kerana itu, penerimaan terhadap konstruk sikap memberi sokongan yang sangat tinggi dalam aspek dakwah masyarakat Orang Asli.

Seterusnya, nilai penerimaan PMOA yang terendah pula adalah pada konstruk pendekatan iaitu yang bernilai 0.92 tetapi masih menunjukkan penerimaan yang sangat baik dan memberi efektif pada tahap konsistensi yang tinggi mengikut skor Alpha Cronbach. Pendekatan dakwah merupakan satu perkara yang sukar dilakukan kerana memerlukan ramai pihak dan tenaga yang terlibat untuk menguruskannya. Malahan setiap bentuk pendekatan juga tidak sama mengikut setiap sasaran. Perbezaan dalam menggunakan kaedah atau cara berdakwah bergantung kepada keadaan sasaran dan latar belakang gaya hidup sasaran. Dalam konteks gaya hidup masyarakat orang asli memerlukan pendekatan yang bersesuaian dan bijak memperhalusi pendekatan yang digunakan. Keadaan mereka yang mempunyai pelbagai kepercayaan, adat dan pantang larang menjadikan mereka sukar untuk didekati dalam berdakwah. Namun pendekatan dakwah juga

perlu dititikberatkan kerana aspek pendekatan ini memainkan peranan yang penting dalam berdakwah.

Berdasarkan kajian rintis ini dapat disimpulkan bahawa kesahan dan kebolehpercayaan merupakan aspek yang sangat penting yang perlu dipertimbangkan dalam pembinaan instrumen baru untuk sesuatu kajian. Berdasarkan dapatan analisis didapati kesemua 55 item dalam konstruk yang dibina mendapat penerimaan yang efektif oleh responden. Maka berdasarkan ujian analisis nilai Alpha Cronbach ini menunjukkan hasil kesahan dan kebolehpercayaan yang berkualiti serta boleh digunakan oleh pendakwah masyarakat Orang Asli.

Melalui kajian ini menunjukkan bahawa konstruk penguasaan ilmu dan konstruk sikap mendapat penerimaan yang tertinggi oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). Walau bagaimanapun hasil kajian tetap mendapati bahawa setiap konstruk yang dibina mempunyai kepentingan dan mendapat penerimaan yang tinggi dalam pembangunan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Hasil pembinaan konstruk ini berdasarkan daripada pemerhatian kajian-kajian lepas yang berkaitan dan kebanyakan kajian membincangkan tentang isu dan masalah yang berlaku dalam dakwah masyarakat Orang Asli. Pembinaan konstruk ini dijalankan kerana terdapat faktor berlaku seperti ketidakselarasan dalam penyampaian isi kandungan. Hal ini boleh menyebabkan kekeliruan oleh pihak sasaran terhadap agama Islam. Dalam menyantuni orang asli memerlukan penguasaan ilmu yang kuat dengan menggunakan kemahiran dan pendekatan selaras dengan tahap pemikiran masyarakat Orang Asli. Kegagalan dalam menentukan pendekatan yang bersesuaian menyebabkan berlaku kurang minat sasaran terhadap ajaran Islam (Siti Nor Haliza et. al, 2021). Menurut kajian Noraini et. al (2022) punca berlaku isu dan cabaran dalam dakwah masyarakat Orang Asli adalah kerana kurang keselarasan dalam penyampaian dan kekurangan pembimbing yang berkemampuan dalam menyampaikan isi kandungan dengan baik. Dengan pembinaan konstruk ini dapat dijadikan sebagai panduan teras terhadap pendakwah masyarakat Orang Asli untuk melatih diri supaya menjadi pendakwah yang berkualiti kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Dalam setiap pelaksanaan dakwah perlu kepada strategi dan keselarasan dalam pengurusan. Bagi memastikan setiap strategi dapat dijalankan secara tersusun adalah dengan membina satu panduan yang khusus kepada pendakwah untuk dijadikan rujukan dalam wujud keselarasan dalam berdakwah. Dengan membina satu konstruk garis panduan ini dapat membantu pendakwah menjalankan kegiatan dakwah dengan lebih berkesan dan mempunyai kualiti dari segi teknik penyampaian dakwah. Pembinaan konstruk ini mendapat penerimaan yang baik daripada pihak penggerak masyarakat Orang Asli (PMOA) yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Setiap konstruk yang dibina juga mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi serta dapat menjamin kualiti kepada pendakwah dalam melaksanakan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Konstruk ini juga dibina khusus untuk

meningkatkan usaha dakwah dan meningkatkan kualiti keberkesanan dalam menyampaikan isi kandungan demi pembangunan kesejahteraan masyarakat setempat.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. 2005. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdurahman Abdullah. 2019. Komitmen Dakwah Penggerak Masyarakat Orang Asli Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Negeri Kelantan. *Tesis Sarjana*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2008. Dakwah Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd
- Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus. 2006. "Dakwah Masyarakat Orang asli Negeri Pahang: Masalah Pendakwah. *Islamiyyat* (28):45-68.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad. 1939. *Ihya' Ulum al-Din*. Juz. 1. Misr: Matbach mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Jami' Muhammad Amin. 2017. *Adawa' 'Ala Tariq al-Da'wah ila al-Islam*. Bayrut: Dar al-Jalil.
- Amit Aris & Ahmad Rozelan Yunus. 2016. Komunikasi Berkesan. Siri Latihan Pembangunan Staf.
- Asmadi Bin Abdul Rahman & Ramlan Bin Mustapha. 2020. Cabaran Pelaksanaan Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli Oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat*, 42 (Isu Khas):59-67.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. 2015. *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences* (3rd ed.). Routledge/Taylor & Francis Group.
- Che Nur Hasanah Che Hussain, Mariam Abd.Majid & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. 2018. Persepsi Masyarakat Orang Asli Terhadap Islam Di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *JEWARIS*, 2(1):1-14.
- D.S Rychen & L.H. Salganik. 2001. Defining and Selecting Key Competencies. Mep Interieur.
- Eagly, A.H. & Chaiken, S. 1993. *The psychology of attitudes*. Fort Worth, TX: Harcourt Brace Jovanovich. This volume provides a comprehensive review of all aspects of research on the psychology of attitudes.
- Ensiklopedia Pendidikan Islam (Edisi Pertama ed., pp. 120). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam
- Faiz Abdul Rahim & Zulkefli Aini. 2017. Domain Ilmu Pendakwah Masyarakat Orang Asli. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 166-182.

- Ibtisam Ibrahim & Berhanudin. 2019. Pendekatan Pengurusan Kemahiran Pendakwah Profesional dalam Dakwah kepada Masyarakat Awam. Proceeding of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management. 23-24 November 2019. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ismail Naim Abdullah. 2020. Persiapan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) Dalam Aspek Pengetahuan dan Kemahiran. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Amar Makruf Nahi Mungkar. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), Ensiklopedia Pendidikan Islam (Edisi Pertama ed., pp. 11-13). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Kamarul Azmi. 2016. Pengajaran dan Pembelajaran. In Kamarul Azmi (Ed. Ensiklopedia Pendidikan Islam (Edisi Pertama cd, pp. 120). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia) (AIES). ISBN: 978-967-0194-66-0.
- Mohd Zairul Ridzuan. 2018. Pendekatan Dakwah bi Al-Hal Terhadap Masyarakat Orang Asli di Malaysia. At-Tahkim, Vol. 8, No. 15 .6. 2018. Program Dakwah & Kepimpinan. Pusat Kesejahteraan Insan & Komuniti, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zairul Ridzuan. 2019. Penerimaan Komuniti Orang Asli Negeri Sembilan Terhadap Dakwah Bi Al-Hal Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Faisal Ashaari & Nabil Ahmad. 2020. Elemen dalam Kandungan Program Latihan dan Bimbingan kepada Pendakwah. Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. Vol (3)2: 161-172.
- Noraini Junoh, Ahmad Murshidi Mustapha, Mohd Nazri Mat Zin, Affendi Ismail, Zanirah Mustafa@Busu & Wan Zurina Nik Abdul Majid. 2022. Pembangunan Akidah Orang Asal di Malaysia: Isu dan Cabaran. Proceedings Science, Ethics & Civilization. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Tekonologi MARA. Vol 1:96-102.
- Nur Damia Husna Nor Sad. 2016. Komunikasi Bahasa Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Uswah Ahmad Fauzi. 2018. Pemujukan dalam Komunikasi Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli di Selangor. Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM
- Nurul Izzah binti Che Zaidi & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2020. Personaliti Pendakwah dalam Menyantuni Masyarakat Non-Muslim. Al-Hikmah 12(1) 2020: 19-36.

- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. 2010. Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2) (2010): 61-69.
- Siti Nor Haliza, Nurul Asmida, Norakmal & Khairah. 2021. Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru di Malaysia: Satu Sorotan. *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)*, Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA, Kampus Dengkil, Selangor.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2010. Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan. *Jurnal Usuluddin*. September: 155-179.
- Zaydan, `Abd Karim. 1993. *Usul al-Da`wah*. Cetakan ke-3. Beirut: Mu`assasah al-Risalah.
- Zaydan, `Abd al-Karim. 1976. *Usul al-Da`wah al-Manar*.
- Zulkefli Aini, Abd Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar, Nur Damia Husna Nor Sad, Nur Uswah Ahmad Fauzi. 2018. Dakwah kepada Orang Asli dan Pendekatan Pendakwah Secara Komunikasi Bahasa. *Proceedings the International Seminar on Dakwah, Local Wisdom and Transnational Islam 27-30 April 2018*. Anjuran Universiti Islam Negeri Antasari Kalimantan Selatan Indonesia di Hotel Barito Aria Banjar Masin.
- Zulkefli Aini. 2020. Amalan kemahiran komunikasi pendakwah dengan masyarakat Orang Asli di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 2020. Vol.3 (4):61-87.